

YS INTERNATIONAL EDUCATION SDN BHD
Lot 449, Jalan Casuarina, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak

NOTIS TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada Pembekal / Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontaktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori dan Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan / perkhidmatan berikut: -

No. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran Kategori, Kepala, & Sub-kepala	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Mula Pengambilan/ Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
YSIE/YSISS/T/NO.1/2025	Membekal, Menghantar, Memasang dan Menyelenggara Komputer Riba Pelajar di Yayasan Sarawak International Secondary School (YSISS)	UPKJ Bumiputera (jika ada) Kelas/ Kategori: A atau B Kepala: IV (Office Machines/ Equipment, Technical Supplies and Others) Sub-kepala: 8 (Computers)	RM50.00 (tidak dikembalikan)	16 April 2025 (Rabu)	25 April 2025, (Jumaat) 12:00 Tengahari

2. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah **mengemukakan SIJIL ASAL PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berstatus Bumiputera) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA (Jika Berkenaan)** sebelum dokumen Tender dijual kepada Pembekal Kontraktor yang layak.
3. Segala bayaran yang dikehendaki dalam notis Tender ini hendaklah dibuat melalui pejabat **YS International Education Sdn Bhd** dan hendaklah dibuat dalam bentuk **Tunai**.
4. Dokumen Tender boleh diperolehi di **pejabat YS INTERNATIONAL EDUCATION SDN BHD Lot 449, Jalan Casuarina Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak** mulai **16 April 2025 (Rabu)** pada waktu-waktu berikut:

Hari	Waktu
Isnin – Khamis	8.00 pagi – 12.30 tengah hari 2.00 petang – 4.00 petang
Jumaat	8.00 pagi – 11:00 pagi 2.30petang – 4.00 petang

5. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam **PETI TENDER YS INTERNATIONAL EDUCATION SDN BHD** dengan menggunakan sampul berlakri serta mempunyai catatan **Nombor pembida dan Tajuk tender**.
6. Pembida adalah dinasihatkan untuk mengemukakan dokumen Tender lebih awal dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan dokumen Tender pada hari Tender ditutup. Ini adalah berikutan arahan dan peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki pejabat YS International Education Sdn Bhd dan bagi memastikan pembida dapat mengemukakan dokumen Tender sebelum tarikh dan masa tutup Tender.
7. YS International Education Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab sekiranya pembida gagal mengemukakan dokumen Tender pada masa dan tarikh yang ditetapkan, disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki pejabat.
8. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat-lewatnya jam **12.00 tengahari** pada tarikh tutup **25 April 2025 (Jumaat)** di alamat seperti di bawah: -

Pengerusi Jawatankuasa Tender
c/o YS INTERNATIONAL EDUCATION SDN BHD
Lot 449, Jalan Casuarina, Petra Jaya 93050 Kuching, Sarawak

9. Dokumen Tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
10. YS International Education Sdn Bhd tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.
11. Taklimat berkenaan spesifikasi akan diadakan pada tarikh yang akan dimaklumkan kemudian, sebelum tarikh tutup penyerahan dokumen tender.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
YS International Education Sdn Bhd
Lot 449, Jalan Casuarina, Petra Jaya 93050 Kuching, Sarawak